

Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Peranan Suami Dalam Mengurus Konflik Rumah Tangga Bermadu Menurut Perspektif Islam

Mariam Abd Majid

mariam@kuis.edu.my

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah

yusufmarlon@kuis.edu.my

Sahlawati Abu Bakar

sahlawati@kuis.edu.my

Naqibah Mansor

mansornaqibah@gmail.com

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Mohd Ridhuan Mohd Jamil

ridhuan@polinilai.edu.my

Politeknik Nilai

Salasiah Hanin Hamjah

salhanin@ukm.edu.my

Zulkefli Aini

zulkefli@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Konflik pasti berlaku dalam kehidupan berumah tangga. Fenomena konflik ni lebih mudah terjadi dalam rumah tangga bermadu disebabkan penglibatan pelbagai pihak. Suami dilihat berperanan penting dalam pengurusan konflik yang berlaku dalam rumah tangga. Sehubungan itu, artikel ini mengemukakan elemen-elemen peranan suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan teknik Fuzzy Delphi. Pendekatan yang digunakan bagi mengumpul data kajian menggunakan instrumen soal selidik. Seramai 10 orang pakar terlibat bagi pembentukan elemen ini dalam bidang kekeluargaan, kaunseling, komunikasi, psikologi serta suami dan isteri rumah tangga bermadu melebihi

5 tahun. Hasil kajian mendapati enam belas elemen peranan suami dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu diterima hasil konsensus kumpulan pakar dengan peratus konsensus melebihi 75%, nilai ambang (d) ≤ 0.2 dan nilai a cut melebihi 0.5 manakala satu elemen ditolak kerana tidak memenuhi syarat tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesemua enam belas elemen peranan suami ini penting bagi mengurus konflik yang berlaku dalam rumah tangga bermadu. Penemuan kajian ini bermanfaat dijadikan panduan kepada suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu menurut perspektif Islam.

Kata Kunci: Teknik Fuzzy Delphi, Peranan Suami, Pengurusan Konflik, Rumah Tangga Bermadu, Perspektif Islam.

ABSTRACT

Conflicts are bound to occur in married life. This phenomenon of conflict is more likely to occur in a polygamous marriage due to the involvement of various parties. The husband is seen to play an important role in the management of conflicts that occur in the marriage. Accordingly, this article presents the elements of the husband's role in the management of polygamous marital conflicts. This study is a quantitative study using the Fuzzy Delphi technique. The approach used to collect research data is a questionnaire. A total of 10 experts were involved in the formation of this element in the field of family, counselling, communication, psychology as well as polygamous husbands and wives married for more than 5 years. The results of the study found that sixteen elements of the husband's role in managing polygamous marital conflicts are accepted as a result of the consensus by the expert group with a consensus percentage exceeding 75%, threshold value (d) ≤ 0.2 and a cut-value exceeding 0.5, while one element is rejected for not fulfilling the conditions. These findings indicate that all sixteen elements of the husband's role are important for managing conflicts that occur in a polygamous marriage. The findings of this study are useful as a guide for husbands in the management of polygamous marital conflicts according to the Islamic perspective.

Key words: Fuzzy Delphi Technique, Husband's Role, Conflict Management, Polygamous Marriage, Islamic Perspective.

1. PENDAHULUAN

Konflik adalah satu keadaan yang biasa berlaku dalam hubungan dan sukar dielakkan. Konflik hubungan selalu dikaitkan dengan konflik yang wujud dalam sesebuah rumah tangga atau keluarga. Haliza, Hasnizam dan Intan Nadia (2012) mentakrifkan krisis atau konflik rumah tangga adalah keadaan tidak tenteram atau tidak stabil yang berlaku dalam sesebuah rumah tangga yang disebabkan faktor-faktor tertentu yang boleh membawa kepada masalah penderaan, keganasan dan akhirnya perceraian.

Pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai konflik dan perselisihan faham sepanjang mengharungi kehidupan berumah tangga (Zanariah, Azizah, Hammad, Zaini Yusnita & Nur Zulfah, 2018). Konflik ini berlaku disebabkan pelbagai faktor antaranya masalah kelemahan proses komunikasi, kewangan dan komunikasi (Fadillah, 2016). Menurut Nur Wahidah (2011), komunikasi yang tidak efektif boleh menyebabkan timbulnya salah faham, salah persepsi, dan silap dalam membuat keputusan sehingga menyebabkan berlakunya konflik yang merosakkan hubungan. Secara umumnya, punca berlakunya krisis rumah tangga dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu faktor dalaman dan faktor luaran (Siti Zulaikha Mohd Noor. 1989; Haliza, Hasnizam, & Intan Nadia, 2012). Konflik rumah tangga yang berlaku secara berpanjangan berisiko menghadapi mengakibatkan perceraian apabila kedua pasangan tidak menemui jalan keluar yang sihat (Mohd Roshdi Yusof, 1993). Kes Sharimah bt Muhamad lwn. Ahmad Burhanuddin bin Abdullah difailkan ekoran permohonan cerai oleh pihak isteri yang menghadapi implikasi tekanan emosi setelah mendapat tahu

suaminya curang kerana ada hubungan dengan pesakit sendiri. Faktor tekanan bebanan kerja, kurang tumpuan yang diberikan kepada keluarga atau masalah di tempat kerja yang berlarutan sehingga di rumah turut menyumbang berlakunya konflik dalam rumah tangga. Ramai para isteri keluar bekerja bagi menampung keperluan kewangan keluarga. Kebahagiaan rumah tangga bergantung kepada kebijaksanaan pihak suami dan isteri yang sama-sama bekerja membahagikan masa dan tumpuan kepada kerja dan juga keluarga. (Haliza et al., 2012).

Konflik dalam hubungan rumah tangga ini didapati lebih mudah berlaku dalam kalangan pasangan rumah tangga bermadu kerana ianya melibatkan hubungan pelbagai pihak. Terdapat dua dimensi hubungan utama pasangan rumah tangga poligami iaitu hubungan suami dengan isteri-isteri dan hubungan madu dengan madu. Menurut Hisham Namat (2018), wujud hubungan antara isteri-isteri bermadu yang baik dan harmoni, tidak harmoni dan juga yang dingin sesama isteri.

Antara faktor terjadi konflik dalam perkahwinan poligami disebabkan suami berkahwin lagi secara rahsia, tidak berlaku adil dari segi penggiliran bermalam, pemberian nafkah dan sebagainya (Zanariah et.al, 2018). Khairuddin dalam Mulia (2004) menjelaskan konflik berlaku dalam rumah tangga poligami apabila suami bertingkah laku ganas terhadap isteri terutama dalam bentuk gangguan hak-hak berkaitan seksualiti. Menurut Irfan (2014), keganasan boleh berlaku dalam perkahwinan poligami disebabkan pembahagian hari setiap isteri tidak teratur serta dalam beberapa keadaan isteri yang tidak bersedia, keletihan atau beberapa sebab lain dan dalam masa yang sama pihak suami

memaksa untuk dilayani. Selain konflik berlaku disebabkan kekerasan seksual, faktor ekonomi turut mencetuskan konflik dalam perkahwinan poligami. Nurohmah (2003) menjelaskan bahawa masalah ekonomi yang berlaku dalam perkahwinan poligami disebabkan pengabaian dalam memenuhi keperluan ekonomi atau kewangan terhadap para isteri dan anak-anak. Keadaan bertambah kritikal lagi apabila keperluan ekonomi suami itu sendiri adalah bergantung daripada hasil usaha pihak isteri (Irfan, 2014). Menurut Mulia (2004), suami mesti bertanggung jawab dalam memenuhi keperluan ekonomi keluarga iaitu para isteri dan anak-anak. Terdapat segelintir suami yang mengambil peluang berpoligami hanya untuk memuaskan hawa nafsu mereka dengan alasan mengikuti sunnah dan menganggap bahawa ia adalah pelaksanaan hukum yang diharuskan (Abdul Malik et al., 2011). Faktor tercetusnya konflik dalam rumah tangga bermadu disebabkan suami yang berpoligami mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap para isteri dan anak-anak termasuk mengurangi dan tidak memberi nafkah dengan sepatutnya.

2. MODEL PENGURUSAN KONFLIK

Burton (1990) mendefinisikan pengurusan konflik sebagai tindakan mencari jalan keluar bagi menyelesaikan konflik. Model Pengurusan Konflik (*Conflict Management Model*) Thomas-Kilmann (1974) dibangun berdasarkan dua dimensi iaitu ketegasan dan kerjasama. Dimensi ini mengemukakan lima gaya dalam mengurus konflik iaitu memaksa, menghindari, menampung, kolaborasi dan kompromi (Altmäe, et. al., 2013). Dimensi ketegasan (asertif) bermakna memenuhi kepentingan diri dan dimensi kerjasama (kooperatif) pula memenuhi

kepentingan orang lain. Rahim (1983) turut mengemukakan dua dimensi dalam pengurusan konflik iaitu keprihatinan terhadap diri sendiri dan keprihatinan terhadap orang lain. Dimensi pertama menerangkan tahap (tinggi atau rendah) seseorang individu dalam usaha untuk memuaskan diri mereka, manakala dimensi kedua menerangkan tahap seseorang individu untuk memuaskan keperluan dan perasaan orang lain. Model pengurusan konflik dua dimensi ini banyak digunakan dalam kebanyakan sorotan literatur berkaitan topik ini (Altmäe, et. al., 2013).

Pasangan rumah tangga mesti mempunyai kebijaksanaan memilih strategi dan pendekatan yang sesuai untuk mengurus konflik yang berlaku seperti bersikap terbuka menerima kesalahan pasangan masing-masing atau pun menggunakan bantuan dari pihak lain seperti kaunseling dan sebagainya (Anis, et. al., 2019; Theda Renanita & Jenny Lukito, 2018).

Konflik jika timbul dalam rumah tangga perlu diurus dengan baik sebaliknya pengabaian terhadapnya menjurus berlakunya persengketaan, pergaduhan, perceraian dan lebih serius lagi turut boleh membawa kes pembunuhan. Implikasi konflik dalam rumah tangga bermadu mencetuskan perasaan-perasaan negatif dalam diri pihak isteri (Haryadi, 2009). Isteri menjadi sensitif, mudah terasa, mudah marah, mudah sedih, bersikap curiga yang berlebihan kepada suami (Soewondo, 2001) dan keliru terhadap peranan dan tugasnya sebagai seorang isteri (Ammelita, Yeniar, & Nailul, 2014).

Pihak suami tidak boleh membiarkan keadaan konflik berlaku tanpa tindakan sebaliknya mesti bijak memainkan peranan untuk mengurus konflik rumahtangga bermadu, namun keadaan membimbangkan berlaku jika suami tidak tahu bagaimana untuk berperanan sekaligus mengabaikan tanggungjawabnya. Antara faktor dalaman berlakunya konflik ialah kekurangan pengetahuan dan pendidikan agama, hidup dalam budaya sosial yang liar serta mengabaikan tanggungjawab rumah tangga seperti tidak memberi nafkah hidup yang sewajarnya. Ini berlaku apabila suami tidak mempunyai daya kepimpinan dalam menerajui rumah tangga ekoran tidak ada pengetahuan dan pendidikan agama yang sempurna. Keadaan ini boleh menjadi lebih kritikal apabila pihak isteri juga tidak memiliki latar belakang pendidikan agama yang kuat. Dalam keadaan seperti ini, apabila wujud konflik dalam rumah tangga, masing-masing tidak menemui jalan keluar yang sihat kecuali perceraian (Asral Puadi, 2008).

Bagi menguruskan sesuatu konflik rumah tangga, pasangan yang bersengketa tidak boleh mengambil sikap mementingkan perasaan diri sendiri semata-mata (Asiah et al., 2008). Komunikasi adalah antara perkara utama menyumbang terhadap keberkesanan dalam pengurusan konflik seperti jika pasangan merasa tersinggung dengan pasangannya, langkah perlu diambil untuk memberitahu pasangan bahawa dirinya tersinggung. Pendam, tidak jujur merupakan sikap tidak adil bagi perasaan diri sendiri. Pendekatan menjauhi amalan mengumpat dan bergosip berupaya mengelakkan berlakunya konflik rumah tangga. Keharmonian dalam hubungan kekeluargaan boleh runtuh kerana sikap negatif pasangan suami dan isteri (Asiah et al., 2008).

Pengurusan konflik ini menjadi lebih mencabar bagi rumah tangga bermadu. Menurut Raihanah (1970), banyak aduan-aduan dari pihak tertentu mengemukakan bahawa akibat dari perkahwinan poligami, suaminya tidak memberi nafkah dan keadilan yang sewajarnya maka ini menyebabkan berlaku perceraian. Sikap suami adalah aspek penting dalam memastikan amalan poligami dapat bantu mengukuhkan institusi keluarga (Sa'diah, 2002).

Berdasarkan penemuan di atas, didapati konflik dalam rumah tangga bermadu berlaku disebabkan sikap dan pengabaian peranan serta tanggungjawab pihak suami. Pelaksanaan perkahwinan poligami memberi kesan positif kepada isteri dan anak-anak apabila suami atau bapa menjalankan tanggungjawab dengan baik. Firman Allah SWT dalam surah Al-Nisa, ayat 34 menjelaskan berkaitan peranan lelaki yang mengetuai wanita;

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ۚ فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۚ وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاصْرَبُوهُنَّ ۚ فَإِن أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا

Terjemahan :

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan

(memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar

Ayat ini dapat dikaitkan berkaitan peranan suami sebagai ketua dalam sesebuah keluarga dan sudah pasti berperanan besar menentukan kesejahteraan sesebuah keluarga. Sehubungan itu, artikel ini mengetengahkan elemen-elemen peranan suami dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu berdasarkan kepada konsensus pakar.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan teknik Fuzzy Delphi. Teknik Fuzzy Delphi digunakan bertujuan mendapatkan konsensus pakar dalam sesuatu permasalahan yang dibangunkan berdasarkan soroton literatur (Nurul Rabihah et. al. 2019).

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang mengandungi 17 item. Dalam soal selidik, para pakar bertindak menentukan elemen-elemen yang diperlukan bagi suami berperanan dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu. Item-item

yang terdapat dalam elemen ini adalah berdasarkan kepada soroton literatur dan proses analisis keperluan yang dilakukan. Item-item yang dikenal pasti, dikemukakan dalam borang soal selidik untuk mendapatkan konsensus pakar seterusnya dianalisis menggunakan teknik *Fuzzy Delphi*.

Kesemua item soalan dijawab mengikut skala Likert 7 mata (dari 1= Teramat Tidak Sesuai, hingga 7 = Teramat Sesuai) seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Aras persetujuan dan nilai skala Fuzzy

Aras persetujuan	Skala Fuzzy	Skala Likert
Teramat Tidak Sesuai	(0.0, 0.0, 0.1)	1
Sangat Tidak Sesuai	(0.0, 0.1, 0.3)	2
Tidak Sesuai	(0.1, 0.3, 0.5)	3
Sederhana Sesuai	(0.3, 0.5, 0.7)	4
Sesuai	(0.5, 0.7, 0.9)	5
Sangat Sesuai	(0.7, 0.9, 1.0)	6
Teramat Sesuai	(0.9, 1.0, 1.0)	7

Sumber: (Mohd Ridhuan et al., 2016)

Jadual 1 menunjukkan bahawa semakin tinggi nombor pada skala, semakin tepat data yang diperolehi. Di dalam kajian ini, pengkaji memilih skala lingusitik tujuh poin seperti yang ditunjukkan.

Setelah semua pakar menandakan aras persetujuan masing-masing, pakar juga diminta memberikan pandangan terhadap setiap item di dalam borang soal selidik. Data dari Skala Likert yang diperolehi kemudian diterjemahkan ke dalam bentuk data nombor Fuzzy dan dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Teknik analisis data ini dikenali sebagai teknik *Fuzzy Delphi* atau *Fuzzy Delphi Method (FDM)*.

3.1 RESPONDEN PAKAR

Kajian ini pengkaji memilih seramai 10 orang pakar yang mempunyai kepakaran. Panel pakar yang dikenalpasti dan terlibat dalam memberi cadangan dan pengesahan terhadap item-item peranan suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu adalah seperti berikut;

1. 2 orang pengamal poligami yang mempunyai pengalaman melebihi 5 tahun.
2. 2 orang isteri bermadu yang mempunyai pengalaman melebihi 5 tahun.
3. Seorang pegawai kerajaan berstatus Penolong Pengarah di Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor.
4. Seorang pegawai kerajaan berstatus Penolong Pengarah Kanan di Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
5. Seorang profesor dari universiti awam, berkelulusan doktor falsafah dan mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah dan kaunseling Islam.

6. Seorang profesor madya dari universiti awam, berkelulusan doktor falsafah dan mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah dan kaunseling Islam.
7. Seorang pensyarah kanan dari universiti awam, berkelulusan doktor falsafah dan mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah peribumi dan komunikasi insan.
8. Seorang pensyarah kanan dari universiti awam, berkelulusan doktor falsafah dalam bidang pengajian media dan komunikasi serta mempunyai kepakaran dalam bidang komunikasi.

Pengkaji telah memilih seramai 10 orang pakar berdasarkan cadangan Adler dan Ziglio (1996) dan Jones dan Twiss (1978). Menurut Adler dan Ziglio (1996), bilangan pakar yang sesuai adalah antara 10 hingga 15 orang, jika sekiranya terdapat keseragaman yang tinggi dalam kalangan pakar yang dipilih. Manakala Jones dan Twiss (1978) pula mencadangkan bilangan pakar seramai 10–50 orang. Selain itu, pakar yang dipilih perlu ada latar belakang atau pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Pemilihan ini dapat menyokong pendapat mereka kepada keperluan kajian serta dapat menyemak semula penghakiman awal mereka untuk mencapai konsensus dalam kalangan pakar (Pill, 1971). Menurut Saaty dan Özdemir (2014), menambah lebih ramai pakar yang tidak berpengalaman dapat melemahkan ketepatan keputusan.

3.2 ANALISIS DATA

Analisis data kajian bagi kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) adalah bersandarkan kepada syarat yang terkandung dalam *triangular fuzzy*

number. Syarat bagi *triangular fuzzy number* melibatkan nilai *threshold* (d) dan peratusan kesepakatan pakar dengan nilai *threshold* (d) bagi setiap item yang diukur mestilah kurang atau sama dengan 0.2 (Chen, 2000; Cheng & Lin, 2002) serta peratusan kesepakatan kumpulan pakar mestilah melebihi atau sama dengan 75% (Murry & Hammons, 1995; Chu & Hwang, 2008). Nilai *threshold* (d) dianalisis menggunakan *Microsoft Excel* berpandukan kepada rumus berikut:

$$d(\tilde{m}, \tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}.$$

Bagi proses menentukan nilai α -cut bagi tujuan penganalisan data kajian, proses *defuzzification* digunakan. Dalam proses ini, pengkaji menggunakan satu rumus seperti yang dinyatakan Mohd Ridhuan, Zaharah, Nurul Rabihah, Ahmad Arifin dan Norlidah (2019) seperti berikut:

$$A = 1/3 * (m1 + m2 + m3)$$

Sekiranya nilai A yang terhasil kurang dari nilai α -cut = 0.5, item tersebut ditolak kerana tiada kesepakatan pakar dalam menerima item tersebut. Namun, jika nilai A yang terhasil melebihi nilai α -cut = 0.5, item tersebut diterima (Tang & Wu, 2010, Bodjanova, 2006).

Secara ringkasnya, syarat bagi mencapai kesepakatan pakar adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Syarat Triangular Fuzzy Numbers dan Defuzzification

Syarat	Nilai
--------	-------

Nilai <i>Threshold</i> (d)	≤ 0.2
Peratus Kesepakatan pakar	$\geq 75\%$
Nilai α -cut	≥ 0.5

4. DAPATAN KAJIAN.

Dapatan ini menjawab persoalan kajian bagi fasa reka bentuk elemen peranan suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu.

Jadual 1: Langkah Bagi Analisis Reka Bentuk Elemen Peranan Suami Dan Persoalan Kajian

Langkah	Aktiviti	Persoalan Kajian
1	Pembangunan elemen berasaskan sorotan kajian literatur sedia ada.	<i>1.1 Apakah elemen peranan suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu berdasarkan kesepakatan pakar?</i>
2	Pengesahan elemen berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM).	

Dapatan langkah 1 dan langkah 2 adalah memaparkan dapatan kajian yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian 1.1 iaitu:

4.1 Apakah elemen peranan suami dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu berdasarkan kesepakatan pakar?

Dapatan Langkah 1: Pembentukan elemen peranan suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu berasaskan sorotan kajian literatur terhadap elemen-elemen peranan suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu berdasarkan kesepakatan pakar.

Terdapat empat model sedia ada yang mendasari kajian di dalam reka bentuk model PsiKoMadu ini. Model-model yang terlibat adalah Model Komunikasi Schramm (Blythe, 2009), Model Berlo (Berlo, 1960), Model Komunikasi Shannon dan Weaver (Shannon & Weaver, 1949), Model Psikologi teori al-Ghazali (1991) dan Model Pengurusan Konflik (*Conflict Management Model*) Thomas-Kilmann (1974).

Dapatan Langkah 2: Pengesahan elemen peranan suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu berdasarkan kesepakatan pakar menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) bagi menjawab persoalan apakah elemen peranan suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu berdasarkan kesepakatan pakar?

Dalam penentuan elemen peranan suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu ini, pengkaji telah menjalankan kajian literatur terhadap model-model seperti dbincangkan dalam dapatan langkah 1 yang dipaparkan sebelum ini. Justeru itu, dapatan langkah 2 ini bertujuan untuk menilai dan mengesahkan berdasarkan kesepakatan sekumpulan pakar terhadap elemen-elemen yang telah dipilih berdasarkan empat model tersebut. Kumpulan pakar yang terlibat dalam melakukan pengesahan komponen ini adalah penting kerana pakar-pakar ini hendaklah terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam konteks kajian. Dalam proses reka bentuk model ini, 10 orang pakar telah dijemput bagi melihat, membincangkan, menilai dan mengesahkan elemen-elemen yang diperlukan oleh suami untuk mengurus konflik dalam rumah tangga bermadu. Kesemua panel pakar ini telah dipertemukan dalam suatu perbengkelan yang telah dijalankan bagi melihat keperluan elemen. Kesemua elemen penting untuk dibincangkan

sama ada ia diterima atau ditolak seterusnya disahkan berdasarkan kesepakatan daripada sekumpulan pakar yang berpengalaman secara langsung dalam konteks kajian. Elemen pengurusan konflik ini difokuskan kepada peranan suami yang memberi pengaruh dalam mengurus konflik yang berlaku dalam rumah tangga bermadu).

Jadual 2 : Elemen Bagi Komponen Pengurusan Konflik (Suami)

Bil	Komponen Utama: Pengurusan Konflik
	Elemen Suami
1	Suami perlu menguruskan masa dengan baik untuk keperluan para isteri.
2	Suami mengurus konflik dengan menunjukkan akhlak yang baik kepada para isteri.
3	Suami menguruskan konflik berasaskan syariat dan ajaran Islam.
4	Suami boleh menerima, mentafsir dan menyampaikan maklumat dengan tenang.
5	Suami berinteraksi secara intrapersonal dengan Allah SWT bagi menguatkan diri.
6	Suami saling mendidik diri dan para isterinya dengan pendidikan rohani.
7	Suami perlu mempunyai kekuatan rohani.
8	Suami mengurus konflik dengan berfikir sebelum membuat keputusan.
9	Suami bertingkah laku dengan baik dalam mengurus konflik bersama para isteri.
10	Suami membuat perbincangan dengan para isteri dalam mengurus konflik.
11	Suami membuat pembahagian tugas/tanggungjawab dengan para isteri.
12	Ahli keluarga memberikan bantuan kepada suami yang berpoligami.
13	Suami membuat penggiliran dengan para isteri secara adil.
14	Suami menggalakkan para isteri melakukan aktiviti bagi mengeratkan hubungan.
15	Suami melaksanakan aktiviti untuk mengeratkan hubungan dengan para isteri.
16	Suami perlu mempunyai sifat memaafkan kepada para isteri.
17	Suami perlu mempunyai sifat kematangan terhadap para isteri.

Pengkaji telah menyenaraikan elemen peranan suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu berdasarkan kajian literatur dalam proses pembentukan elemen yang dijalankan sebelum ini. Untuk memastikan setiap elemen ini sesuai dan diperlukan dalam konteks pengurusan konflik isteri bermadu, sesi perbengkelan telah dijalankan bagi tujuan menemukan sekumpulan pakar secara bersemuka. Tujuan perbengkelan ini adalah untuk menggalakkan kumpulan pakar melalui proses perbincangan yang efektif bagi setiap elemen yang terkandung dalam komponen utama yang telah dipersetujui sebelum ini. Selanjutnya proses penilaian dan pengesahan elemen bagi setiap elemen telah dianalisis menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) bagi melihat kesepakatan sekumpulan pakar yang terlibat secara langsung dengan konteks kajian. Jadual 3 menunjukkan dapatan akhir bagi elemen peranan suami dalam pengurusan konflik yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar. Bagi elemen bertanda * adalah penolakan item yang telah dilakukan oleh kumpulan panel pakar di dalam perbengkelan yang telah dijalankan. Jadual 3 berikut memaparkan nilai *threshold* (d), peratusan kesepakatan pakar dan skor *Fuzzy* (A) bagi keseluruhan elemen penyampai melalui analisis kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM).

Jadual 3: Elemen Peranan Suami Dalam Pengurusan Konflik Berdasarkan Analisa Fuzzy Delphi (FDM) Dan Cadangan Panel Pakar

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Defuzzification Process</i>			Skor <i>Fuzzy</i> (A)	Kesepakatan Pakar
		Nilai <i>Thres hold</i> ,	Peratus Kesepak atan	m1	m2	m3		

		d	Kumpulan Pakar, %					
1	Suami mengurus konflik dengan menunjukkan akhlak yang baik kepada para isteri.	0.000	100.0%	0.900	1.000	1.000	0.967	Terima
2	Suami menguruskan konflik berasaskan syariat dan ajaran Islam.	0.000	100.0%	0.900	1.000	1.000	0.967	Terima
3	Suami boleh menerima, mentafsir dan menyampaikan maklumat dengan tenang.	0.049	100.00%	0.860	0.980	1.000	0.947	Terima
4	Suami berinteraksi secara langsung dengan Allah SWT bagi menguatkan diri.	0.000	100.00%	0.900	1.000	1.000	0.967	Terima
5	Suami saling mendidik diri dan para isterinya dengan pendidikan rohani.	0.027	100.00%	0.880	0.990	1.000	0.957	Terima
6	Suami mengurus konflik dengan berfikir sebelum membuat keputusan.	0.087	90.00%	0.840	0.960	0.990	0.930	Terima
7	Suami bertingkah laku dengan baik dalam mengurus konflik bersama para isteri.	0.027	100.00%	0.880	0.990	1.000	0.957	Terima
8	Suami membuat perbincangan dengan para isteri secara bersama atau berasingan mengikut keadaan dan waktu.	0.027	100.00%	0.880	0.990	1.000	0.957	Terima
9	Suami membuat pembahagian tugas/tanggungjawab dengan para isteri.	0.087	90.00%	0.840	0.960	0.990	0.930	Terima
10	Suami membuat penggiliran dengan para isteri secara adil.	0.000	100.00%	0.900	1.000	1.000	0.967	Terima
11	Suami menggalakkan para isteri melakukan aktiviti bersama bagi mengeratkan hubungan.	0.027	100.00%	0.880	0.990	1.000	0.957	Terima
13	Suami melaksanakan aktiviti untuk mengeratkan hubungan dengan para isteri.	0.049	100.00%	0.860	0.980	1.000	0.947	Terima
14	Suami perlu mengurus masa dengan baik untuk keperluan para isteri.	0.000	100.0%	0.900	1.000	1.000	0.967	Terima
15	Suami perlu mempunyai kekuatan rohani.	0.000	100.00%	0.900	1.000	1.000	0.967	Terima
16	Suami perlu mempunyai sifat memaafkan kepada para isteri.	0.027	100.00%	0.880	0.990	1.000	0.957	Terima
17	Suami perlu mempunyai sifat kematangan dan bijaksana terhadap para isteri.	0.000	100.00%	0.900	1.000	1.000	0.967	Terima

* PENOLAKAN ITEM ELEMEN PENGURUSAN KONFLIK (SUAMI) DARIPADA PANEL PAKAR:								
12	Ahli keluarga memberikan bantuan kepada suami yang berpoligami.	0.233	60.0%	0.5 60	0.74 0	0.88 0	0.727	Tolak

Syarat:

Triangular Fuzzy Numbers

- 1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2
- 2) Peratus Kesepakatan Pakar $\geq 75\%$

Defuzzification Process

- 3) Skor Fuzzy (A) \geq nilai $\alpha - cut = 0.5$

Jadual 3 menunjukkan kesemua 17 item/elemen mencapai nilai skor fuzzy (α -cut) melebihi 0.5 manakala sebanyak 16 item/elemen memperoleh nilai threshold (d) ≤ 0.2 dan mencapai peratusan kesepakatan pakar melebihi 75%. 1 item/elemen iaitu nombor 12 dikenal pasti mempunyai nilai *threshold* (d) 0.233 iaitu melebihi 0.2 dan nilai kesepakatan pakar 60% yang kurang daripada 75%. Item/elemen 12 ini tertolak disebabkan tidak memenuhi kesemua tiga syarat penerimaan item/elemen berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi iaitu syarat pada nilai threshold (d) dan peratus kesepakatan pakar. Data diperolehi ini menunjukkan hanya 16 item/elemen mendapat kesepakatan pakar sekaligus menunjukkan kesahan bagi 16 item/elemen peranan pihak suami dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu.

5. PERBINCANGAN

Sebanyak 16 item/elemen diterima berdasar konsensus pakar sebagai peranan pihak suami dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu.

Dapatan kajian ini menunjukkan aspek peranan pihak suami sangat penting dalam menjamin keberkesanan pengurusan konflik rumah tangga bermadu. Antara peranan utama mesti dilakukan oleh pihak suami untuk mengurus konflik rumah tangga bermadu ialah prihatin terhadap aspek pengurusan masa bagi keperluan isteri dan menonjolkan akhlak yang mulia selaras dengan ajaran Islam. Suami adalah individu utama selaku ketua keluarga yang perlu memastikan prinsip keadilan dan akhlak dijaga dengan sebaiknya. Suami juga wajib memastikan semua hak terhadap para isteri dan anak-anak dilaksanakan dengan sempurna bagi menjamin kerukunan dalam rumah tangga bermadu. Tanggungjawab kepemimpinan sebuah rumah tangga adalah satu tanggungjawab yang berat untuk wajib dilaksanakan oleh seorang suami. Sebarang bentuk pengabaian terhadap hak dan tanggungjawab ini bakal membawa kepada kecelaruan dan keruntuhan rumah tangga. Kajian Nur Dalilah & Raihanah (2013) mendapati antara sebab utama berlakunya konflik rumah tangga ialah kegagalan pihak suami dalam menunaikan nafkah kepada isteri, curang, tiada persefahaman, tidak bertanggungjawab dan campur tangan pihak ketiga atau keluarga. Dapatan kajian Ahmad Zamri (2014) pula menjelaskan bahawa penganiayaan terhadap isteri pertama mudah berlaku apabila suami tidak berlaku amanah terhadap isteri. Pemberian nafkah adalah antara bentuk amanah terhadap isteri dan anak-anak. Nafkah yang tidak mencukupi menjejaskan perbelanjaan anak-anak yang akhirnya boleh menyebabkan anak-anak mudah terjebak dalam gejala sosial tanpa perhatian ibu bapa mereka.

Dapatan kajian turut mendapati sifat toleransi dan memahami adalah antara item/elemen yang perlu dilakukan oleh suami untuk mengurus

konflik yang timbul dalam rumah tangga bermadu. Ini selaras dengan dapatan kajian Nor Hafizah, et. al. (2017), yang mendapati bahawa strategi kolaboratif adalah strategi paling popular diamalkan oleh pasangan suami isteri Melayu dalam mengurus konflik rumah tangga. Corak komunikasi yang produktif dapat mengurangkan implikasi buruk dari konflik hubungan (Graham, et. al., 2009). Selain itu, memiliki sifat yang mulia turut memudahkan pasangan menguruskan konflik rumah tangga (Dini, et. al., 2018).

Ilmu agama ini perlu dipelajari bagi memantapkan kekuatan diri pasangan untuk mendepani konflik dalam rumah tangga. Menurut Zakaria Stapa et.al, (2012), ilmu pendidikan berkaitan Islam berupaya mengasuh dan mendidik, membela, melatih, menyucikan, memperbaiki, mengawal hawa nafsu, membentuk ketaatan kepada Allah SWT membentuk sikap sopan dan beradab (mempunyai akhlak yang baik) dan memadamkan semua sifat tercela yang ada dalam diri manusia. Usaha menambah ilmu pengetahuan boleh dilakukan dengan mengikuti kelas-kelas pengajian agama. Ilmu yang dimiliki seterusnya bakal mengemudi diri dan tindakan suami dan para isteri bermadu sekaligus berupaya mengurus konflik yang dihadapi dalam kehidupan rumah tangga bermadu. Elemen peranan suami yang dikemukakan tertumpu kepada pendekatan dan sikap suami untuk mewujudkan proses komunikasi psikologi yang harmoni dalam rumah tangga bermadu agar konflik yang wujud dapat diuruskan sebaiknya.

5. KESIMPULAN

Keupayaan mengurus konflik yang berlaku dalam rumah tangga bermadu banyak bergantung kepada kewibawaan pihak suami selaku ketua keluarga. Elemen-elemen yang dikemukakan dalam kajian ini boleh dijadikan panduan bagi pihak suami khususnya untuk berperanan bagi mengurus konflik yang timbul dalam rumah tangga bermadu.

6. PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan pembentangan dapatan kajian bertajuk Model Psikologi Komunikasi Isteri Bermadu Mengurus Konflik Rumah Tangga Menurut Perspektif Islam. Penghargaan kepada pihak Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai pemberi dana penyelidikan iaitu kategori Geran Penyelidikan Premier (GPP), 2017/P/GPIK/GPP/001.

7. RUJUKAN

- Abdul Malik, B., Mujiburrahman, A., Ahmad Al Faruqy, Muhammad Ismail, M. Y., Abdussamad, A. H. & Ade Syarwan, D. D. 2011. Kertas Projek. Poligami Menurut Pemikiran Sisters In Islam: Analisis Dalam perspektif Islam. Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya
- Abe Sohpiian, A. R., Zuliza, M. K., & Anwar Fakhri, O. 2014. Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010. *Islāmmiyyāt*, 36(1), 5–20. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/8010/1/6999-17854-1-SM.pdf>
- Adler, M., & Ziglio, E. 1996. *Gazing Into The Oracle: The Delphi Method And Its Application To Social Policy And Public Health*. London: Jessica Kingsley Publishers Jones dan Twiss (1978).

- Ahmad Zamri. 2014. Pandangan Staf Wanita Islam UiTM Kampus Samarahan Sarawak Terhadap Poligami. Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Open University Malaysia (OUM).
- Al-Ghazali, Abi Hamid. 1991). *Ihya Ulumuddin*. Jilid 3. Beirut : Dar al-Fikr.
- Altmäe, S., Türk, K., & Toomet, O. S. 2013. Thomas-Kilmann's Conflict Management Modes and Their Relationship To Fiedler's Leadership Styles (Basing On Estonian Organizations). *Baltic Journal of Management*, 8(1), 45–65. doi:10.1108/17465261311291650.
- Ammelita, S., Yeniar, I. & Nailul F. (2014). Penerimaan diri terhadap poligami pada istri pertama. *Jurnal Empati*, 3(2), 1-13
- Asral Puadi. 2008. Peranan Suami Dalam Membina Keluarga Sakinah. Disertasi Sarjana Pendidikan Agama Islam. UIN Syarif Hidayatullah.
- Asiah, A., Irkhaniza, M. R., & Mohamed Sharif, M. 2008. Peranan Komunikasi Dalam Hubungan Kekeluargaan. Seminar Kaunseling Keluarga, 82–89.
- Asiah, A., Irkhaniza, M. R., & Mohamed Sharif, M. 2008. Peranan Komunikasi Dalam Hubungan Kekeluargaan. Seminar Kaunseling Keluarga pada 30 Ogos 2008, pp 82–89. Diakses dari <https://www.slideshare.net/AtieAli/asiah-ali2008-peranankomunikasidalamhubungankekeluargaanRaihanah> (1970),
- Asiah, S. 1985. Berucap untuk Khalayak Umum. *Jurnal Komunikasi*, Malaysian Journal of Communication, Vol. 1.
- Berlo, D. K. 1960. *The Process Of Communication: An Introduction To Theory And Practice*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Blythe, J. 2009. *The Schramm Model Of Communication*. In *SAGE Key Concepts: Key Concepts In Marketing*. London: SAGE Publications Ltd doi: 10.4135/9781446221617.n46

- Bodjanova, 2006. Median Alpha Levels Of A Fuzzy number. *Fuzzy Sets And Systems*, 157, 879-891. <https://doi.org/10.1016/j.fss.2005.10.015>.
- Burton, S. 1990. *Conflict Resolution And Prevention*. London: Macmillan Publishers
- Chen, C.T. 2000. Extensions Of The TOPSIS For Group Decision-Making Under Fuzzy Environment. *Fuzzy Sets And Systems* 2000, 114: 1-9.
- Cheng C.H & Lin Y. 2002. Evaluating The Best Main Battle Tank Using Fuzzy Decision Theory With Linguistic Criteria Evaluation. *European Journal of Operational Research*, 142 (1) 74-86.
- Chu H.C. & Hwang G.J. 2000. A Delphi-Based Approach To Developing Expert Systems With The Cooperation Of Multiple Experts. *Expert Systems with Applications* 2008; 34: 28, 26-40.
- Dini, Suhailiza, Marina, & Zaliridzal, M. (2018). Kefahaman Beragama Dan Proses Transformasi Hubungan Pasangan Dalam Perkahwinan. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3(2), 75–91
- Fadillah, I. 2016. Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-11 (PERKEM KE-11)*, 11, 394–399. Retrieved from http://eprints.uthm.edu.my/8396/1/PERKEM2016_2C6.pdf
- Graham, J. E., Glaser, R., Loving, T. J., Malarkey, W. B., Stowell, J. R., & Kiecolt-Glaser, J. K. 2009. Cognitive Word Use During Marital Conflict and Increases in Proinflammatory Cytokines. *Health Psychology*, 28(5), 621–630. doi: 10.1037/a0015208.
- Haliza, A. S., Hasnizam, H., & Intan Nadia, G. K. 2012. Krisis Rumah Tangga: Punca-Punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah Dan Undang-Undang*, 4(8), 67–86. Retrieved from [http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/9408/1/Kajian Syariah Dan Undang-Undang - Part 3.pdf](http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/9408/1/Kajian_Syariah_Dan_Undang-Undang_-_Part_3.pdf)

- Haryadi, Tri. 2009. Pengalaman Suami dan para Istri pada Perkawinan Poligami: Studi Fenomenologis pada Sebuah Keluarga Poligami. Skripsi. Fakultas Psikologi UI
- Hisham, N. 2018. Solusi Harmoni Berkongsi Kasih. Kuala Lumpur: WMZ Media Sdn Bhd.
- Irfan, F. (2014). Proses Pengambilan Keputusan Menjadi Istri Kedua Dalam Perkawinan Poligami Pada Wanita Berpendidikan Tinggi. *Psychopathic, Jurnal Ilmiah Psikologi*, 1(2), 231–243. Nurohmah (2003)
- Jones, H. & Twiss, B.L. 1978. *Forecasting Technology For Planning Decisions*. New York: Macmillan.
- Kamus Dewan. 2013. Edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,.
- Mohd Ridhuan, M. J., Saedah, S., Farazila, Y., Nurulrabihah, M. N., Zaharah, H., & Ahmad Arifin, S. 2015. Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Keperluan Elemen Keusahawanan Bagi Pensyarah Kejuruteraan Politeknik Malaysia. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 5(1), 135–150.
- Mohd Ridhuan, M.J. 2016. *Pembangunan model kurikulum latihan SkiVes bagi program pengajian kejuruteraan pembelajaran berasaskan kerja* PhD thesis, University of Malaya.
- Mohd Roshdi, Y. (1993). Perkahwinan dan Kekeluargaan Menurut Perspektif Islam. Medan Sumatera Utara: Penerbitan Insan Digjaya.
- Mulia, S. M. (2004). *Islam Menggugat Poligami*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Murry Jr, J. W., & Hammons, J. O. 1995. Delphi: A Versatile Methodology For Conducting Qualitative Research. *The Review of Higher Education*, 18(4), 423-436.
- Nur Anis & Nurbazla. 2019. Pelaksanaan Undang Di Mahkamah Syariah Melibatkan Orang Ketiga Dalam Rumahtangga. *Journal*

of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences 16(1), 15-24. Diakses dari www.akademiabaru.com/arsbs.html

Nur Dalilah & Raihanah .2013. Hubungan Antara Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Rundingcara Keluarga (Urk) Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga (Bppk), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) *Jurnal Syariah, Jil. 21, Bil. 2.* 145-164 *Shariah Journal, Vol. 21, No. 2 (2013)* 145-164

Hafizah, N., Hassan, N. A., Harun, A. S. A., Nayan, L. M., Ahmad, R., & Rosli, M. M. (2017). Conflict Management Among Malay Married Couples: An Analysis on Their Strategies & Tactics. *Asian Social Science*, 13(10), 95. doi :10.5539/ass.v13n10p95

Nur Wahidah. (2011). Pola Komunikasi Dalam Keluarga. *Musawa*, 3(2), 163–178.

Nurul Rabihah, Saedah Siraj, Siti Hajar, Mohd Ridhuann & Zaharah Husin. 2019. Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Keperluan Elemen Teknologi Sebagai Wadah Dalam Pembelajaran Berasaskan Pemikiran Rekabentuk. *Asia Pacific Journal Of Educators And Education, Vol 34.* 129-151.

Pill. 1971. The Delphi Method : Substance, Context, A Critique And AN AnnotatedBibliography *Socio-Economic Planning Sciences*, 5 (1), 57-71. [https://doi.org/10.1016/0038-0121\(71\)90041-3](https://doi.org/10.1016/0038-0121(71)90041-3).

Rahim, M. A. 1983. A Measure of Styles of Handling Interpersonal Conflict. *Academy of Management Journal*, 26(2), 368–376. Diakses dari <https://www.jstor.org/stable/255985>

Raihanah. 1970. Poligami di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 5(2), 167–186.

Rashidah, M., Saedah, S., & Zaharah, H. 2018. Fuzzy Delphi Method Application In Developing Model Of Malay Poem Based On The Meaning Of The Quran About Flora, Fauna And Sky Form 2. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ) APLIKASI*, 8(2), 57–67.

- Rezon, A., T, J., Almasih, L., Putri, M., Pyo, J., & N, G. 2017. Apa itu Noise? [Powerpoint slides]. Retrieved from <https://www.slideshare.net/mobile/arnoldrb/gangguan-dalam-komunikasi>
- Sa'diah Abdul Samad. 2002. Kesan Poligami Terhadap Keluarga Islam: Suatu Kajian Di Langkawi Kedah. Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya. Khasawneh, Hijazi dan Salman (2011)
- Saaty, T.L., & dan Özdemir, M.S. 2014. How Many Judges Should There Be In A Group? *Annals Of Data Science*, 1 (3), 359-368. <https://doi.org/10.1007/s40745-014-0026-4>.
- Safinah, I. 2018. Elemen Komunikasi Bapa dalam Surah Luqman. *Irsyad 2018 E-Proceeding*, (Januari), 331-343.
- Schramm, W. 1954. *How Communication Works. The Process And Effects Of Mass Communication*, 3-26.
- Shannon, C. E., & Weaver, W. 1949. *The Mathematical Theory Of Communication*. Urbana: University of Illinois Press.
- Siti Zulaikha Mohd Noor. (1989). Rundingcara Keluarga Sebagai Satu Cara untuk Mengatasi Kekeluargaan Islam di Malaysia. Seminar Pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam Peringkat Kebangsaan. 26-28 Jun 1989.
- Soewondo, S. 2001. Keberadaan Pihak Ketiga, Poligami Dan Permasalahan Perkawinan (Keluarga) Ditinjau Dari Aspek Psikologi. Dalam (Munandar, S. C. U. (Ed.), *Bunga Rampai Psikologi Perkembangan Keperibadian dari Bayi Sampai Lanjut Usia*. (154-183). Jakarta: UI Press.
- Tang, C. W & Wu, C.T. 2010. Obtaining A Picture Of Undergraduate Education Quality: A voice From Inside The University. *Higher Education*, 60(3), 269-286. <http://doi.org/10.1007/s10734-009-9299-5>
- Theda Renanita & Jenny Lukito. 2018. Marital Satisfaction in Terms of Communication, Conflict Resolution, Sexual Intimacy, and Financial Relations Among Working and Non-Working Wives.

Makara Hubs-Asia, 22(1): 12-21. doi :
<https://doi.org/10.7454/hubs.asia.1190318>.

Wan Anor, W. S., & Risalshah, L. 2014. Kaunseling Keluarga : Isu Dan Cabaran. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014, 1–8.
<https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

Zakaria Stapa; Noranizah Yusuf; Abdul Fatah Shahrudin. 2012. Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah .Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 7-22.

Zanariah Dimon, Azizah Mohd Rapini, Hammad b. Dahalan. (2018). Faktor-Faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor. International Conference On Islamiyyat Studies. 18-19 September 2018, Hotel TENERA, Bandar Baru Bangi, pp. 302-311